

Sekitar JPA

Kupasan Perjalanan Transformasi JPA

Edisi 19: 1—15 Nov 2015



MENARIK DI DALAM

- Pelancaran Kaunter Bersepadu 1Serve JPA4U2
- Taklimat Dasar Pemisah3
- Majlis Selamat Maju Jaya ke KWAP4



SESI PERJUMPAAN KPPA BERSAMA CUEPACS

4 NOVEMBER 2015 – Sesi Perjumpaan KPPA bersama CUEPACS telah diadakan di Auditorium JPA, Putrajaya.

Sesi ini diadakan bertujuan untuk meneliti keseluruhan pekeliling perkhidmatan yang telah disediakan oleh JPA bagi membolehkan CUEPACS memahami sepenuhnya dasar dan prosedur serta pelaksanaan Dasar Pemisah dan bersedia memberi penerangan kepada penjawat awam.

Pekeliling perkhidmatan ini telah dimuat naik ke dalam laman web dan media sosial JPA dan seterusnya sesi taklimat akan diadakan dengan Pengurus Sumber Manusia (PSM) agensi.

Tan Sri KPPA dalam ucapan beliau mengalu-alukan kehadiran Datuk Azih dan kepimpinan CUEPACS dalam sesi *engagement* ini yang mencerminkan hubungan baik yang sedia terjalin di antara Jabatan Perkhidmatan Awam dan

juga CUEPACS selama ini.

Empat siri *engagement* berkaitan dasar ini telah diadakan dengan CUEPACS bagi memastikan dasar yang dikeluarkan mengambil kira pandangan dan cadangan daripada pihak Kesatuan. Setelah itu YAB Perdana Menteri dalam mesyuarat JKK-TPA pada 21 Ogos 2015 telah memberikan persetujuan supaya Dasar Pemisah dilaksanakan.

Tan Sri KPPA dalam ucapan beliau juga telah menegaskan bahawa penjawat awam yang berdedikasi dan komited tidak perlu bimbang terhadap pelaksanaan Dasar Pemisah kerana penilaian yang adil dan telus akan dilaksanakan.

Dasar ini merupakan mekanisme strategik Kerajaan yang terbaik dalam mewujudkan Perkhidmatan Awam yang berprestasi tinggi, produktif dan berintegriti.



PELANCARAN KAUNTER BERSEPADU 1SERVE JPA4U

2 NOVEMBER 2015 - Kaunter 1SERVE JPA4U kini turut menawarkan perkhidmatan tambahan daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) selain urusan perkhidmatan JPA seperti pertanyaan biasiswa, persaraan dan sebagainya.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh JPN ialah Gantian MyKad tanpa Perubahan Gambar, Perubahan Alamat, Proses Cabutan Sijil/ Daftar; Kelahiran, Perkahwinan atau Kematian. Manakala JIM menawarkan Permohonan Pasport Malaysia Antarabangsa, Permohonan Dokumen Perjalanan Terhad, Permohonan Surat Perjalanan Berkumpulan dan Semakan Status Perjalanan Imigresen. JPJ pula menawarkan khidmat Pembaharuan Lesen Memandu dan Pembaharuan Lesen Kenderaan.

Bagi perkhidmatan JPN di Kaunter 1SERVE JPA4U proses serahan adalah sehari selepas permohonan dan diambil di Ibu Pejabat JPN. Manakala, perkhidmatan JIM proses pugutan adalah selepas tiga hari dan diambil di Ibu Pejabat JIM.



Inisiatif 1Malaysia Customer Service of Civil Servants atau 1SERVE dilaksanakan melalui kerjasama strategik daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Ia merupakan transformasi perkhidmatan kaunter Kerajaan yang sebelum ini mengamalkan konsep satu (1) kaunter satu (1) perkhidmatan kepada satu (1) kaunter pelbagai perkhidmatan. Sehubungan itu, prinsip utama pelaksanaan ini adalah untuk memberi perkhidmatan yang berimpak tinggi, kos minimum dan pelaksanaan yang pantas dan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dan sistem penyampaian petugas barisan hadapan (front liners) di Sektor Awam menerusi jaringan kolaboratif strategik dengan agensi swasta khususnya dalam bidang latihan dan perkongsian amalan-amalan terbaik (best practices).



TAKLIMAT DASAR PEMISAH KEPADA PENGURUS SUMBER MANUSIA KEMENTERIAN DAN JABATAN

Pada 13 November 2015 telah berlangsung Taklimat Dasar Pemisah kepada Pengurus Sumber Manusia Kementerian dan Jabatan. Seramai 150 orang telah hadir ke Auditorium, Aras 4, Blok C1, JPA. Puan Hasmarulaini Omar, Timbalan Pengarah, Bahagian Perkhidmatan telah menyampaikan taklimat tersebut.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2015 mengenai Pelaksanaan Dasar Pemisah Bagi Pegawai yang Berprestasi Rendah Dalam Perkhidmatan Awam telah ditandatangani oleh Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) pada 19 November 2015 dan dimuat naik dalam laman web JPA, serta media sosial untuk hebahan dan makluman penjawat awam.

Dasar Pemisah (Exit Policy) ini membolehkan perkhidmatan pegawai yang berprestasi rendah iaitu yang mencapai tahap prestasi kurang daripada 60% pada tahun penilaian terkini ditamatkan dan dibersarakan daripada Perkhidmatan Awam. Kaedah ini akan dilaksanakan melalui pelbagai peringkat tapisan yang ketat dan diadili dengan telus dan saksama.

PERHIMPUNAN BULANAN JPA

Pada 4 November 2015 telah berlangsung Perhimpunan Bulanan JPA di Auditorium JPA. Tema perhimpunan pada kali ini adalah "Integriti Disemai, Transformasi Dituai"

Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dalam amanat beliau ada menyebut bahawa warga JPA perlu menjaga integriti dan rahsia Kerajaan bagi memastikan dasar yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan telus dan lancar.

Beliau juga memerangkan tentang keperluan memahami makna dan definisi sebenar frasa "Saya yang Menurut Perintah", yang mana bukannya bermaksud pegawai perlu menurut arahan tanpa berfikir, namun pada masa yang sama penjawat awam harus melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan mengikut akta dan peraturan yang telah ditetapkan,.

Antara pengisian perhimpunan pada kali ini ialah bacaan ikrar integriti oleh Pengurusan Tertinggi dan Warga JPA yang telah dipimpin oleh Encik Asrul Shah Razali, Ketua Unit Integriti.

Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal juga menyampaikan sijil penghargaan kepada Pegawai Contoh dan Profil JPA kepada pegawai baharu.

Perhimpunan pada kali ini turut meraikan Sambutan Hari Integriti Nasional di mana terdapat penyertaan pameran-pameran dari agensi luar dan di sebelah petangnya, Program Bicara Ilmu dengan tajuk "Mesej Dari Penjara."



MAJLIS SELAMAT MAJU JAYA KE KWAP



Pada 2 November 2015, telah berlangsung Majlis Selamat Maju Jaya ke KWAP di Dewan Mezzanine JPA. Seperti mana yang semua sedia maklum, pengambil alihan sebahagian proses kerja di Bahagian Pasca Perkhidmatan oleh KWAP adalah bertujuan untuk merealisasikan transformasi kerajaan selaras dengan matlamat Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam untuk menghasilkan Perkhidmatan Awam yang berprestasi tinggi, berintegriti, dinamik dan berjiwa rakyat.



Seramai 226 orang telah pun bersetuju menerima tawaran peminjaman selama dua tahun berkuat kuasa pada 1 November 2015. Bagi pegawai-pegawai yang tidak dipinjamkan di KWAP pula, mereka akan terus menerajui Bahagian Pasca Perkhidmatan bagi melaksanakan fungsi-fungsi dari segi dasar persaraan dan proses-proses yang melibatkan kelulusan untuk persaraan.



Dalam ucapan beliau, Tan Sri KPPA mengharapkan pegawai-pegawai yang dipinjamkan agar bersungguh-sungguh dalam melakukan tugas, bersemangat, proaktif dan berkomitmen jitu dalam sebuah pasukan bagi meneruskan kecemerlangan demi kesejahteraan Negara.

Tan Sri KPPA juga berharap agar para pegawai memberi kerjasama yang terbaik dan menjaga nama baik JPA dalam melakukan tugas.

MAJLIS PENYERAHAN SURAT PENEMPATAN PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA



Pada 2 November 2015, telah diadakan Majlis Amanat Ketua Perkhidmatan Dan Penyampaian Surat Penempatan Pemangku Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana di Auditorium JPA.

Majlis tersebut adalah untuk meraikan;

- 10 orang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F32 ke Gred F38;
- 37 orang Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred J29 ke Gred J36;
- 14 orang Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 ke Gred N36;
- 69 orang Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 ke Gred N32;
- 2 orang Setiausaha Pejabat Gred N32 ke Gred N36;
- 97 orang Setiausaha Pejabat Gred N27/N28 ke Gred N32;
- 4 orang Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22 ke Gred W26; dan
- 32 orang Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17 ke Gred W22

Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) telah berbesar hati untuk menyampaikan surat penempatan dan amanat kepada pegawai-pegawai berkenaan. Dalam amanat beliau, Tan Sri KPPA mengingatkan pegawai-pegawai supaya sentiasa bersyukur dengan faedah yang dinikmati dari Bajet 2016 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini. Pegawai juga diingatkan supaya menjaga tingkah laku dan tidak melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

MAJLIS PENUTUP BENGKEL PELAKSANAAN ANUGERAH INOVASI



Pada 5 dan 6 November 2015 telah berlangsung Bengkel Pelaksanaan Anugerah Inovasi yang dikendalikan oleh Bahagian Transformasi Sektor Awam. Bengkel ini dihadiri seramai 38 pegawai kanan JPA dari setiap Bahagian.

Bengkel diadakan bertujuan untuk berkongsi pengalaman Jabatan dan kementerian yang pernah menjadi urus setia Anugerah Inovasi bersama-sama dengan para pegawai JPA. Di samping itu, objektif penganjuran bengkel ialah untuk mendapatkan input dari Bahagian berkenaan penganjuran Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA), memperinci kriteria dan wajaran, membangun portal khas, dan persiapan untuk dibentangkan kepada Mesyuarat Pengurusan Tertinggi JPA.

Antara Kementerian yang dijemput ialah Kementerian Kewangan Malaysia yang berkongsi pengalaman mengendalikan Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan, MAMPU yang berkongsi pengalaman mengendalikan Anugerah Inovasi ICT dan ICU yang berkongsi pengalaman mengendalikan Anugerah Inovasi PBT.

Tetamu khas yang diundang ialah Encik Kalibaskaran Muniandy, Pengarah Bahagian Perundingan Pengurusan 2, MAMPU, yang berkongsi pengalaman organisasi mengurus Anugerah Inovasi Sektor Awam.



MAJLIS PENUTUP PEMENTORAN JPA 2015



Majlis Penutupan Program Pementoran di JPA Bagi Tahun 2015 telah telah disempurnakan oleh Dato' Wan Ahmad Dahlan Hj. Ab. Aziz, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan yang mewakili Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) JPA di Dewan Mezzanine, Aras 2, Blok C1, JPA pada 6 November 2015.

Program Pementoran merupakan program yang menggalakkan pembudayaan pembelajaran berterusan di samping mengurus modal insan secara efektif dan menyeluruh tanpa mengabaikan elemen psikologi dan kemanusiaan. Program Pementoran merupakan satu kaedah dalam pengurusan sumber manusia bagi mempertingkatkan dan memperkasa diri seorang pegawai.

Pada tahun 2015 bilangan mentor yang terlibat adalah seramai 15 orang, manakala mentee juga adalah seramai 15 orang. Pegawai yang telah dilantik sebagai mentor dan mentee ini diberi suatu bentuk latihan berupa Bengkel Training of Trainers (TOT) Pementoran. Bagi memastikan keberkesanan bengkel tersebut, penceramah yang dijemput terdiri daripada pegawai-pegawai JPA dan lain-lain kementerian yang berpengalaman dan beberapa program telah dijalankan bagi mentor dan mentee ini sepanjang enam bulan pelaksanaannya.

Dalam ucapan Dato' Wan Ahmad Dahlan mewakili pihak pengurusan JPA, mereka berharap agar mentor-mentor yang dilantik tidak melihat tugas yang bakal dilakukan ini sebagai suatu bebanan terhadap tugas-tugas semasa yang sedia ada. Sebaliknya tugas sebagai mentor ini perlu dilihat dari sudut positif kerana dapat membantu jabatan membentuk pegawai JPA yang mempunyai ciri-ciri modal insan yang berkualiti dan seterusnya dapat membina warga kerja kelas pertama.



BICARA ILMU “MESEJ DARI PENJARA”

Sempena sambutan Hari Integriti JPA, Bahagian Khidmat Pengurusan telah menganjurkan Program Bicara Ilmu yang bertajuk “Mesej Dari Penjara” pada 4 November 2015 bertempat di Auditorium JPA. Penceramah jemputan ialah Encik Mohd Firdaus bin Ramlan.

Penceramah telah berkongsi pengalaman beliau sendiri menjalani hukuman penjara atas kesalahan rasuah. Beliau menyampaikan pengalaman beliau dengan menceritakan betapa sengsaranya banduan menjalani kehidupan di dalam penjara. Beliau juga amat insaf dan kini telah bangkit semula meneruskan kehidupan seperti biasa. Beliau menasihatkan para hadirin untuk tidak sekali-kali mengambil rasuah kerana kesannya amat besar terhadap kerjaya, keluarga dan masa hadapan. Hadirin diingatkan supaya menjaga integriti menjalankan amanah dengan ikhlas demi negara, bangsa dan agama.

"Take up one idea. Make that one idea your life--think of it, dream of it, live on that idea. Let the brain, muscles, nerves, every part of your body, be full of that idea, and just leave every other idea alone. This is the way to success." - Swami Vivekananda

LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI, PULAU PINANG KE JPA

Pada 9 November 2015, JPA telah menerima lawatan sambil belajar daripada 27 orang ahli Persatuan Kebajikan Pekerja-pekerja Islam, Majlis Perbandaran Seberang Perai (PERMAI). Para delegasi yang hadir telah didedahkan dengan inisiatif transformasi yang dijalankan oleh JPA, program kualiti dan inovasi dan aktiviti-aktiviti Kelab JPA.

Selesai taklimat dan sesi perkongsian, para delegasi di bawa melawat Kaunter 1SERVE JPA4U di Lobi C2, JPA, Putrajaya. Delegasi yang hadir mengucapkan syabas dan tahniah atas usaha JPA mewujudkan pusat kaunter setempat yang menyediakan pelbagai perkhidmatan daripada pelbagai agensi.



REVOLUSI MEDIA SOSIAL

Banyak yang diperkatakan tentang media sosial. Perdana Menteri Najib Razak, telah berulang kali mengatakan adanya keperluan untuk memastikan berita yang kita terima di media sosial itu benar dan boleh dipastikan benar.

Kerap, kita hanya melihat media sosial sebagai satu medium untuk menyebarkan informasi – bagaimana pula kalau kita lihat media sosial sebagai medium penggerak, yang menterjemahkan kemahuan kepada satu benda yang boleh dilihat di alam nyata? Kalau kita lihat media sosial dengan lebih menyeluruh, banyak inisiatif yang diterajui oleh anak-anak muda yang mendapat pelinciran yang mereka perlukan melalui media sosial. Inisiatif-inisiatif ini termasuklah projek-projek sosial, amal, ataupun yang menyebarkan pengetahuan.



Satu contoh adalah Tuisyen Sayang oleh Projek Ihsan (@projekihisan). Mereka terdiri daripada anak-anak muda daripada pelbagai disiplin ilmu yang berganding bahu menubuhkan projek kelas tuisyen percuma untuk kanak-kanak sekolah rendah berpendapatan rendah di Shah Alam. Tuisyen Sayang menggunakan media sosial sebagai penggerak utama inisiatif mereka dengan berkongsi info, gambar-gambar, dan maklumat bagaimana untuk menjadi sukarelawan. Tuisyen Sayang telah melebarkan sayap mereka dengan mengadakan tuisyen di Bangi dan menganjurkan kem Bahasa Inggeris.

Satu lagi inisiatif yang menggunakan media sosial dengan efektifnya untuk tujuan yang baik ialah SkolaFund (@Skolafund). Inisiatif ini adalah satu platform untuk orang ramai menaja pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan kewangan. Sesiapa sahaja yang ada akaun bank boleh menaja serendah RM1 untuk pelajar yang profil mereka terpampang di laman web skolafund.com. SkolaFund, yang aktif di Twitter, menyebarkan falsafah mereka dan maklumat terkini tentang projek-projek mereka menggunakan laman media sosial.

Selain itu, terdapat banyak lagi inisiatif di media sosial Twitter yang tujuannya untuk menyebarkan ilmu dan meningkatkan kesedaran seperti @backpackingMY, dan@projekdialog. Yang menjadi kegemaran saya adalah @ZoologiMy yang berbincang tentang haiwan, daripada pemuliharaan sampailah penjagaan haiwan peliharaan.

Orang ramai akan turut serta berkongsi ilmu dan pendapat dalam isu-isu yang mereka menjadikan media sosial satu medan pertukaran idea dan pergerakan ilmu.

Media sosial memang boleh menjadi satu medan untuk peperangan aksara yang penghujungnya tiada siapa nampak. Tapi ia juga boleh menjadi satu platform untuk menyebarkan pelbagai benda-benda baik yang kita selalu terlepas pandang. Lebih dari itu, ia juga boleh menjadi jentera efektif untuk menggerakkan satu komuniti ke arah kebaikan dan aktivisme.



Sumber: <http://kopitiamekonomi.com/artikel/revolusi-media-sosial/>

KopitiamEkonomi is an initiative under the Economic Transformation Programme to educate Malaysians, kopitiam-style, on issues that relate to the economy. Get informed about the Malaysian economy through easy-to-understand videos, infographics and stories.

Belajar Ekonomi, Minum Kopi, Jom.

PROGRAM TEAM BUILDING PETUGAS KAUNTER 1SERVE JPA4U

Pada 30 Oktober 2015 sehingga 1 November 2015 telah berlangsung Program Teambuilding Petugas Kaunter 1Serve JPA4U di Lexis Hotel Port Dickson, Negeri Sembilan.

Seramai 26 orang, petugas kaunter 1Serve JPA4U mengikuti program Team Building ini, di samping pegawai-pegawai dari Unit National Blue Ocean Strategy, Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pengurusan Maklumat dan Komunikasi Korporat JPA.

Terdapat lima modul yang dijalani oleh para peserta program termasuklah Modul 'The People', Komunikasi, Klinik 8 Ciri-ciri Kecemerlangan Petugas Barisan Hadapan 1Serve, Modul 'The Challenge' dan Modul 'The Synergy'. Kesemua bentuk latihan ini diadakan bagi memastikan kerjasama terjalin erat antara para petugas kaunter 1Serve, di samping wujud rasa saling mempercayai antara satu sama lain, bantu-membantu serta tolak ansur.

Kesemua ciri-ciri ini penting bagi mewujudkan para petugas kaunter yang cemerlang dan dapat memberikan layanan kelas pertama kepada pelanggan.



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Blok C1-C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 W.P. Putrajaya, Malaysia | Telefon: 603 8000 8000

Sumbangan Berita: Warga JPA | Penerbitan: Komunikasi Korporat | Percetakan: Unit Dokumentasi, JPA



www.jpa.gov.my



Jabatan Perkhidmatan Awam



@jpa2day



Jabatan Perkhidmatan Awam



jpa2day